



St Leonard's College

International Baccalaureate

Kami merupakan sekolah pertama di Victoria yang menawarkan pelajar pilihan sama ada Program Diploma International Baccalaureate atau VCE sebagai laluan ke pendidikan tinggi.

Pertubuhan International Baccalaureate (IBO) merupakan yayasan pendidikan yang memperjuangkan dunia yang lebih sempurna melalui pendidikan. Visi yang menjadi tunjang perjuangan IBO ialah menawarkan pelajar kurikulum seimbang yang memupuk pemikiran kritikal dan persefahaman antara budaya. Programnya bertujuan untuk membangunkan kemahiran intelek, peribadi, emosi dan sosial yang perlu untuk hidup, belajar dan bekerja dalam arus globalisasi dunia yang semakin pesat.

St Leonard's College merupakan Sekolah Sedunia International Baccalaureate yang pertama di Victoria, menyertai rangkaian 4000 sekolah di serata dunia yang menawarkan program IBO.

Dalam Tahun 11 dan 12, pelajar dapat memilih untuk menamatkan Program Diploma IB (IBDP) sebagai alternatif bagi VCE.

Mengapa pilih IBDP?

Dengan lebih satu juta pelajar mengambilnya di 143 buah negara, sukatan pelajaran dan skim penilaian IBDP yang berfokus antarabangsa menawarkan persiapan terbaik bagi menghadapi pelbagai cabaran pendidikan tinggi dan pekerjaan dalam dunia yang terhubung erat. Banyak universiti di Australia menawarkan kedudukan lanjutan bagi lulusan IBDP sebagai mengiktiraf kegigihan akademik program ini. Pada tahun 2016, satu pertiga daripada angkatan pelajar Tahun 12 kami memilih IBDP sebagai laluan diutamakan bagi pengajian universiti.

Pelajar kami mendapat pilihan mata pelajaran yang luas. Dengan kakitangan berkelayakan tinggi dan berdedikasi mengajar baik VCE mahupun IBDP, mereka juga menikmati sokongan dan bimbingan yang terbaik. Dengan kejayaan menamatkan IB, pelajar dapat memasuki universiti di Australia dan serata dunia, termasuk Oxford, Cambridge, Harvard, Yale dan Sorbonne.

Mata pelajaran yang ditawarkan termasuk:

Bahasa Inggeris, Bahasa Sepanyol ab initio (SL sahaja), Bahasa Perancis, Bahasa Jerman, Bahasa Indonesia, Bahasa Jepun, Ekonomi, Geografi, Sejarah, Psikologi, Biologi, Kimia, Fizik, Matematik, Muzik, Teater, dan Seni Tampak.

Untuk penerangan lanjut tentang Program Diploma International Baccalaureate
<http://ibo.org/programmes/diploma-programme/>

International Baccalaureate - MAL